

Ucapan Menteri Pertahanan Koizumi pada Dialog Shangri-La ke-23 (2026)



Sesi Pleno ke-5:

Mengurus Ketegangan Serantau di Tengah Persaingan Global

31 Mei 2026

Saya amat berbesar hati dapat berucap pada hari ini di Dialog Shangri-La, sebuah forum penting untuk mempertimbangkan masa depan Indo-Pasifik. Saya ingin menyampaikan rasa hormat dan terima kasih yang tulus ikhlas kepada penganjur acara ini, IISS dan negara tuan rumah, Singapura.

Saya juga gembira dapat bertemu dengan Menteri Pertahanan Malaysia, Khaled dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan Belanda, Dilan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Indo-Pasifik merupakan hab pertumbuhan global. Rantau ini mempunyai tenaga muda, teknologi dan daya hidup. Paling penting, kita dihubungkan oleh laut bebas dan terbuka.

Perdamaian dan kestabilan di rantau ini bukan sahaja penting untuk rantau ini. Ia berkait rapat secara langsung dengan perdamaian dan kemakmuran global.

Hari ini, para menteri dari negara-negara yang bersempadan dengan Lautan Pasifik, Hindia dan Atlantik berkumpul di sini. Ini menunjukkan kesalinghubungan ketiga-tiga lautan ini. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran terkini Belanda di rantau ini.

Namun, pada masa yang sama, rantau Indo-Pasifik juga menghadapi realiti yang sukar. Percubaan untuk mengubah status quo secara sebelah pihak melalui kekerasan dan paksaan, paksaan ekonomi, cabaran terhadap peraturan, persaingan yang kompleks, termasuk di ruang siber, angkasa lepas dan maklumat, serta penggunaan segala-galanya sebagai senjata. Sempadan antara masa aman dan masa perang semakin tidak jelas.

Kita kini hidup dalam era di mana media sosial dan AI disalahgunakan, dan proses membuat keputusan orang ramai digugat oleh maklumat palsu dan dimanipulasi. Jadi, apakah yang sebenarnya menjadi pertaruhan pada hari ini? Ia adalah kebebasan setiap negara untuk memilih jalan mereka sendiri.

Hari ini, kita melihat situasi di mana Selat Hormuz tidak bebas mahupun terbuka. Selat yang tidak bebas mahupun terbuka. Laluan laut yang tidak bebas mahupun terbuka. Aturan yang tidak bebas mahupun terbuka. Siapakah yang mendapat manfaat daripada situasi sebegini? Kepentingan aturan yang bebas dan terbuka tidak boleh dipandang remeh.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Setiap negara mempunyai kuasa untuk membuat pilihannya sendiri. Atas dasar tersebut, kita mesti membina, melindungi dan memperkukuh rantau yang bebas dan terbuka.

Jepun akan bekerjasama dengan anda semua untuk mencapai matlamat ini. Keazaman ini dijemakan dalam versi FOIP yang baru dilancarkan dan dipertingkatkan oleh pentadbiran Takaichi.

Tiada negara yang sepatutnya hala tujuanya ditentukan melalui paksaan atau intimidasi. Setiap negara mesti dapat memilih masa depannya berdasarkan kehendaknya sendiri. Tambahan pula, rantau ini mesti kekal terbuka kepada semua negara yang menghormati peraturan dan prinsip kita.

Inilah visi Jepun tentang rantau Indo-Pasifik.

Wawasan ini tidak akan menjadi kenyataan hanya dengan menginginkannya. Ia memerlukan tindakan. Ia memerlukan tindakan yang berterusan.

Secara khususnya, pihak berkuasa pertahanan memainkan peranan yang amat penting dalam merealisasikan visi ini. Kita mesti memastikan bahawa usaha setiap negara tidak berakhir secara terasing. Kerjasama Operasi. Latihan bersama. Perkongsian maklumat. Kerjasama peralatan pertahanan dan teknologi. Kerjasama industri pertahanan. Kerangka struktur. Kita mesti menyatukan semua usaha ini dan menukarkannya menjadi keupayaan pencegahan dan tindak balas yang berkesan.

Kita memerlukan tiga perkara untuk menjayakannya: kepercayaan, ketelusan dan dialog.

Kepercayaan. Pematuhan kepada undang-undang antarabangsa. Kedaulatan adalah dihormati. Tiada toleransi terhadap perubahan sebelah pihak kepada status quo melalui kekerasan atau paksaan. Tanpa niat bersama ini, aturan serantau tidak bermakna.

Ketelusan. Pembinaan ketenteraan yang tidak telus dan tindakan tanpa niat yang jelas akan menjadi punca ketidakpercayaan dan salah faham. Ketelusan adalah asas untuk mengurangkan ketegangan dan mengelakkan krisis.

Dan dialog. Semua negara mempunyai pendirian mereka sendiri. Semua negara mempunyai pandangan berbeza. Tetapi itulah sebabnya kita perlu berdialog. Kita terlibat dalam dialog kerana kita mempunyai perbezaan. Kita meneruskan dialog kerana terdapat ketegangan di antara kita.

Jepun sentiasa terbuka untuk berdialog dengan semua negara. Pada ADMM-Plus yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun lepas, yang dihoskan oleh Menteri Pertahanan Khaled, yang berada di sini bersama kita, saya berpeluang mengadakan perbincangan yang jujur dan membuahkan hasil dengan rakan sejawat saya dari China.

Saya kecewa kerana kami tidak berpeluang untuk bertemu kali ini.

Walau bagaimanapun, pintu untuk berdialog sentiasa terbuka. Saya akan terus berkomunikasi dengan negara-negara berkaitan, termasuk China demi keamanan dan kestabilan serantau dan global.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Jepun akan mengambil tindakan konkrit.

Pertama, Jepun akan terus membina dan mengemas kini keupayaan pertahanannya dengan tahap ketelusan yang tinggi.

AI. Sistem tanpa pemandu. Siber. Angkasa lepas. Cara-cara baharu untuk melancarkan peperangan menggunakan teknologi ini merebak ke seluruh dunia. Adalah perkara biasa bagi setiap negara untuk berusaha mengemas kini keupayaan pertahanan masing-masing bagi bertindak balas terhadap cabaran-cabaran baharu ini. Jepun juga akan bertindak balas terhadap perkembangan baharu ini secara pantas namun konsisten.

Kita melakukannya untuk melindungi negara kita dan menyumbang kepada perdamaian dan kestabilan di rantau yang bebas dan terbuka. Dan Jepun akan meneruskan pembaharuan ini dengan tahap ketelusan yang tinggi. Untuk apakah kita membangunkan keupayaan-keupayaan ini? Dan berdasarkan pemikiran yang bagaimana? Jepun akan terus melangkah maju sambil memberikan penjelasan yang jelas kepada masyarakat antarabangsa.

Pengukuhan asas keupayaan pertahanan kita, pemantapan pengeluaran pertahanan dan pangkalan teknologi, serta semakan semula tiga dokumen strategik yang dijangka siap pada akhir tahun ini adalah sebahagian daripada usaha tersebut. Jepun tidak akan berpaling daripada kenyataan. Kami akan membuat persiapan yang diperlukan dengan penuh rasa tanggungjawab.

Hadirin yang dihormati sekalian, sesetengah daripada anda mungkin pernah mendengar istilah bahawa Jepun adalah sebuah negara “militarisme baharu,” tetapi ia sama sekali tidak berasas.

Fikirkanlah. Ada sebuah negara yang mempunyai gudang senjata nuklear dan pengebom strategik yang sangat besar. Jepun tidak mempunyai kedua-dua senjata tersebut. Namun begitu, Jepun dilabelkan sebagai “militarisme baharu.” Bukankah itu sesuatu yang pelik?

Sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua, Jepun secara konsisten menghormati undang-undang antarabangsa, termasuk Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan berusaha dengan ikhlas untuk mengekalkan dan memperkukuhkan aturan antarabangsa yang bebas dan terbuka. Laluan Jepun sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan telah dihargai oleh rantau ini dan masyarakat antarabangsa. Fakta ini tidak akan tergoyah oleh dakwaan-dakwaan palsu. Disebabkan ia adalah satu fakta.

Dan izinkanlah saya menyatakan perkara ini juga. Perbezaan persepsi dan perselisihan

sememangnya berlaku antara negara. Apa yang diperlukan pada masa ini bukanlah pengulangan dakwaan yang tidak berasas tanpa kehadiran pihak yang satu lagi. Apa yang perlu adalah dialog yang langsung dan jujur. Malah, pintu dialog Jepun sentiasa terbuka.

Kedua, Jepun akan memperkukuhkan lagi kerjasama dengan anda semua.

Memperkukuh keupayaan pencegahan dan tindak balas Perikatan Jepun-A.S. Mempertingkatkan latihan melalui penggunaan Perjanjian Akses Timbal Balik (RAA) dengan Australia, Filipina, dan United Kingdom. Kesedaran domain maritim dan kerjasama teknologi termaju dalam kerangka Quad. Kerjasama pertahanan dengan negara-negara ASEAN. Ketahanan pangkalan industri yang lebih besar, termasuk melalui PIPIR. Dan AUKUS. Kami akan menghubungkan semua usaha ini untuk menukarkan titik-titik menjadi garisan, dan daripada garisan menjadi satah.

Ketiga, Jepun bertekad untuk mengambil peranan baharu dalam kerjasama peralatan pertahanan di seluruh rantau ini.

Pada April lalu, Jepun telah menyemak semula secara asas rangka kerja domestiknya mengenai pemindahan peralatan dan teknologi pertahanan. OSA, yang dilancarkan pada tahun 2023, juga secara konsisten membuahkan hasil. Matlamat inisiatif-inisiatif ini adalah untuk memperkukuh keupayaan pencegahan dan tindak balas di rantau ini secara ketara. Malah, kedua-dua inisiatif tersebut amat dihargai oleh negara-negara di seluruh rantau ini.

Apa yang penting sekarang adalah untuk memastikan penyediaan peralatan dan keupayaan yang diperlukan secara lancar kepada seluruh rantau ini. Bagaimana jika barangan yang diperlukan telah kehabisan dan logistik terputus semasa krisis? Kita sebagai sebuah rantau tidak mampu menghadapi senario sedemikian.

Oleh sebab itulah Jepun akan menjadi lebih proaktif dalam kerjasama peralatan pertahanan, kerjasama industri pertahanan, serta kerjasama penyelenggaraan dan kelestarian. Matlamat kami adalah untuk memastikan setiap negara mempunyai keupayaan yang mereka perlukan dan menyediakannya apabila diperlukan.

Banyak kerjasama yang sememangnya sedang dijalankan. Kerjasama dengan Australia mengenai frigat. Penyediaan sistem radar dan kapal rondaan kepada Filipina. Pembangunan dalam kerjasama mengenai kapal pemusnah dan frigat. New Zealand telah menyatakan minat mereka terhadap kapal tentera laut Jepun. Serta kerangka kerjasama

baharu dengan Indonesia.

Usaha-usaha ini bukanlah bersifat eksklusif atau ditujukan kepada mana-mana negara tertentu. Ini adalah usaha untuk menyokong setiap negara membuat pilihan sendiri, mempertahankan diri, dan menyumbang kepada kestabilan rantau. Jepun berharap untuk menjadi rakan kongsi yang boleh dipercayai bagi tujuan tersebut. Dan Jepun juga berharap untuk berkhidmat sebagai titik penghubung yang menyatukan usaha-usaha di rantau ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Perpecahan melemahkan pencegahan. Perpaduan menguatkan pencegahan.

Jika jurang mula wujud antara Amerika Syarikat, Eropah, serta sekutu dan negara-negara yang sehaluan, kuasa-kuasa yang menganggapnya sebagai peluang pasti akan mengambil kesempatan. Kita mesti mengelakkan situasi sedemikian daripada berlaku. Kita mesti memastikan kerjasama kita terus berjalan. Sekarang adalah masanya untuk menjadikan kerjasama kita lebih kukuh.

Apa yang kita cari bukanlah sebuah rantau yang hanya mampu bertahan dalam krisis. Kita mencari sebuah rantau yang mampu bangkit menentang paksaan. Kita mencari sebuah rantau yang tidak disesatkan oleh pembohongan. Kita mencari sebuah rantau yang tidak dipengaruhi oleh tekanan.

Indo-Pasifik yang bebas dan terbuka bukanlah sesuatu yang diberikan oleh orang lain kepada kita. Ia adalah sesuatu yang mesti kita bina sendiri. Ia adalah sesuatu yang mesti kita lindungi sendiri. Dan ia adalah sesuatu yang mesti kita wariskan kepada generasi akan datang.

Jepun akan melangkah menuju matlamat ini bersama anda semua. Jepun akan bertindak bersama anda semua.

Terima kasih banyak atas perhatian anda.